



PERANAN SUBJEK FALSAFAH DAN ISU SEMASA DALAM PEMBENTUKAN INSAN BERSEPADU DAN SEJAHTERA BAGI MENDEPANI CABARAN SEMASA

Aishah Azlan^{1*}, Asmaa' Mohd. Arshad¹, Sumaiyah Bahri¹ & Mohd Norazri
Mohamad Zaini¹

^{1*} Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam
40450 Shah Alam, Selangor
aishahazlan@uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.6042>

Abstrak

E-JITU

Acceptance date:
20 August 2024

Valuation date:
24 September 2024

Publication date:
21 October 2024

Mutakhir ini, pelbagai kursus matapelajaran umum universiti (MPU) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk penambahbaikan graduan universiti. Malangnya matapelajaran ini dianggap sebagai suatu beban tambahan yang tidak memberikan sebarang sumbangan terhadap kebolehpasaran kerja mahasiswa. Demi mendepani cabaran global yang semakin meruncing, mahasiswa bukan sahaja perlu dibekalkan dengan kemahiran teknikal, tetapi juga ilmu-ilmu teras yang mengukuhkan jatidiri, pandangan alam, nilai akhlak dan etika dalam mencapai sasaran kesejahteraan diri dan negara. Falsafah dan Isu Semasa merupakan matapelajaran umum yang mementingkan komponen falsafah, sejarah, nilai etika dan peradaban demi melahirkan mahasiswa yang berkualiti dan berdaya tahan. Salah satu komponen yang diberikan perhatian khusus dalam kursus falsafah adalah aspek penjajahan dan penyahjajahan dalam konteks Malaysia. Kajian ini menggunakan metod penyelidikan perpustakaan yang dijalankan dengan mengumpulkan data daripada literatur-literatur yang berkaitan, dan seterusnya dianalisis untuk menghasilkan kesimpulan menyeluruh terhadap isu yang dibincangkan. Artikel ini akan menghuraikan kepentingan aspek 'Dekolonisasi' atau penyahjajahan tersebut dan hubungkaitnya dalam usaha membina insan bersepadu sebagai nukleus bagi sebuah masyarakat sejahtera. Ia juga mengenalpasti elemen pandangan semesta dan epistemologi sebagai elemen yang terkesan akibat penjajahan. Maka subjek teras MPU ini hakikatnya adalah komponen yang menekankan aspek kearifan tempatan, pembangunan jiwa rohani, aqal budi dan jatidiri anak bangsa yang merdeka; sebagai misi yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kata kunci: Falsafah dan Isu Semasa, Matapelajaran Umum (MPU), Dekolonisasi, Pandangan Alam.



**THE ROLE OF PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUES COURSE IN THE
DEVELOPMENT OF INTEGRATED AND PROSPEROUS BEING IN
ADDRESSING CONTEMPORARY CHALLENGES**

Abstract

Recently, various university general studies (MPU) have been introduced by the Ministry of Higher Education (MOHE) for the improvement of university graduates. Unfortunately, this subject is considered an additional burden that does not contribute to the employability of students. In order to face the ever-widening global challenges, students must not only be equipped with technical skills, but also core knowledge that strengthens their identity, worldview, akhlaq and ethics in achieving the goals of well-being for oneself and the country. Philosophy and Current Issues is a general study that attaches importance to the components of philosophy, history, ethical values and civilization in order to produce quality and resilient students. One of the components that is given special attention in philosophy courses is the aspect of colonialism and decolonization in the context of Malaysia. This study employs library research that collects data from relevant literatures, which are then being analysed to produce a thorough study of the issue in discussion. This article will elaborate on the importance of the 'Decolonization' aspect and its relationship in efforts to foster an integrated human being as the nucleus for a prosperous society. This article also identifies elements of worldview and epistemology as elements affected by colonialism. Therefore, the core subject of this MPU is in fact a component that emphasizes aspects of local wisdom, spiritual soul development, aqal budi and the identity of independent citizens; as a mission enshrined in the National Philosophy of Malaysian Education.

Keywords: *Philosophy and Current Issues, General Studies, Decolonisation, Worldview.*

PENGENALAN

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan 'Dekolonisasi'? 'Dekolonisasi' merujuk kepada proses penyahjajahan, penyahbaratan, pembebasan tanahair dan kemerdekaan daripada penjajahan secara menyeluruh bukan sahaja aspek fizikal, bahkan termasuk aspek akal budi, jiwa dan budaya. Ia adalah antonim bagi istilah 'Kolonisasi' yang merujuk kepada kepada proses penjajahan, merangkumi penjajahan yang bersifat jasmani mahupun rohani. Penjajahan kuasa-kuasa Eropah yang mendominasi Alam Melayu Nusantara selama lebih 4 dekad, sejak abad ke-16 hingga abad ke 20, telah meninggalkan kesan yang berpanjangan terhadap pandangan semesta (*worldview*), sistem nilai, budaya, epistemologi ilmu dan pemikiran masyarakat tempatan. Seterusnya, sistem nilai kolonial ini telah memberikan implikasi terhadap sistem politik, ekonomi dan sosial, khususnya sistem pendidikan di Tanah Melayu. Menyedari implikasi penjajahan selama lebih



400 tahun ini, para ilmuan dan cendekiawan telah membincangkan perkara ini secara serius dalam wacana-wacana dekolonisasi dan Islamisasi ilmu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Salah satu aspek yang paling terkesan akibat penjajahan adalah sistem pendidikan. Dualisme dalam pendidikan amat ketara setelah British memperkenalkan aliran sekolah Inggeris yang menyebabkan terbinanya aliran vernakular dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu. Sistem tersebut melahirkan dua golongan utama dalam bangsa Melayu iaitu golongan yang lahir daripada aliran pendidikan Agama; di samping golongan yang lahir daripada aliran pendidikan Inggeris (Nur Atiqah & Ong Puay Liu, 2018). Sistem pendidikan agama dilihat hanya mementingkan sumber wahyu atau ilmu naqli; manakala sistem pendidikan moden hanya mengutamakan sumber akal atau ilmu aqli (Nurafifah, 2020). Sistem ilmu dan pendidikan yang tidak sepadu ini akhirnya melahirkan generasi yang tidak seimbang corak pemikiran dan keperibadiannya.

SOROTAN LITERATUR

Dalam mendepani cabaran semasa untuk membentuk sahsiah anak bangsa serta memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, subjek Falsafah dan Isu Semasa mula diperkenalkan di universiti-universiti oleh Kementerian Pengajian Tinggi bermula sesi 2019/2020 (Marinsah et al., 2022). Merujuk Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil. 14/2019 pada 12 Jun 2019, sebuah kata sepakat telah diputuskan untuk mewajibkan kursus ini kepada semua pelajar IPT di peringkat pengajian Sarjana Muda (*Pengemaskinian Struktur Kursus MPU - Pelaksanaan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa & Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban*, 2019). Selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kursus ini bertujuan untuk membentuk jati diri pelajar secara holistik yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Keseimbangan keempat-empat aspek ini merupakan tunjang pendidikan yang berkesan untuk membentuk modal insan yang bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara (S. Rosli et al., 2022). Menurut Maszlee Malik, dalam membentuk peribadi mahasiswa yang berketerampilan dan berakhlak mulia, pendidikan sivik bukan sahaja sebatas pembelajaran di kelas-kelas pada peringkat sekolah, bahkan, ini merupakan misi yang perlu diteruskan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Subjek falsafah yang secara asasnya untuk membina kemahiran yang kritis dan analitikal akan membentuk kemahiran menyelesaikan masalah menggunakan teknik-teknik berfikir aras tinggi (Abdul Karim, 2019). Antara hasil pembelajaran kursus ini adalah kecekapan pelajar dalam menjelaskan isu semasa bertunjangkan ilmu Falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara (Faedah Kassim et al., 2023). Selari dengan prinsip ini, salah satu isi kandungan kursus ini adalah topik

Dekolonisasi yang membincangkan mengenai usaha pemurnian pandangan alam atau *worldview* dari pengaruh ideologi-ideologi asing.

Salah satu aliran pemikiran utama yang mendasari pandangan alam barat yang juga membawa pengaruh kepada timur adalah Dualisme Cartesian yang dipelopori oleh Rene Descartes, seorang ahli falsafah Perancis (1596-1650); yang masyhur dengan kata-katanya “*Cogito Ergo Sum*” yang bermaksud “Aku berfikir maka aku ada”. Dualisme merujuk kepada dikotomi atau dua realiti yang bertentangan antara satu sama lain. Dualisme adalah faham yang berasaskan dua prinsip yang saling bertentangan seperti di antara baik dan jahat; di antara terang dan gelap. Ia juga merujuk pada keadaan apabila dua sifat yang ketara saling bertentangan pada diri seseorang (DBP, 2017). Dualisme ini juga merujuk kepada dikotomi atau pertentangan. Dalam hal ini, Descartes telah mempelopori perbincangan dualisme dengan masalah dikotomi di antara jasad dan minda (*mind and body problem*) yang akhirnya mempertentangkan dua realiti tersebut. Menurut Descartes, realiti sebenar akan sesuatu perkara adalah pada jasad atau material (*matter*) dan bukan pada minda atau kerohanian/*spiritual* (*mind*). Aliran Descartes membentuk landasan bagi falsafah mekanikal (*mechanical philosophy*). Alam dilihat sebagai satu jentera besar yang bersifat mekanikal. Ia dilihat sebagai jasad yg tidak bernyawa yg bergerak mengikut hukum alam dan hukum fizik yang neutral. Maka konsep dualisme ini akhirnya membentuk falsafah mekanikal yang menganggap dunia adalah sebuah mesin gergasi (*gigantic machine*). Alam tidak bernyawa dan bebas daripada sebarang aspek kesaktian atau kesucian; bebas daripada konsep Tuhan yang mentadbir alam, malah berhak dieksploitasi oleh manusia bagi mendapatkan keuntungan (Hazim Shah, 2019).

Aliran Dualisme Cartesian meninggalkan kesan mendalam dalam mencorakkan kaedah berfikir dan pandangan alam atau *worldview* masyarakat timur yang asalnya berpaksikan agama. Kefahaman yang bersifat dualistik dalam memahami hakikat dan kebenaran telah membentuk aliran pemikiran dan kepercayaan yang akhirnya membentuk sistem nilai dan budaya hidup masyarakat setempat berdasarkan rasional manusiawi yang terpisah daripada wahyu (M. Hasyim, 2010). Aliran pemikiran dan pandangan alam (*worldview*) yang bersifat dualistik ini akhirnya mempengaruhi dan mendominasi sistem epistemologi dan pendidikan. Revolusi Cartesian dalam abad -17 memberi kesan akan wujudnya dualisme mutlak antara benda (*matter*) dan roh (*mind*) sehingga alam tabi'e terbuka kepada tafsiran sains sekular (al-Attas, 2020); dan akhirnya memisahkan makhluk daripada al-Khaliq, Pencipta-Nya. Maka pemikiran yang keliru ini akhirnya menyebabkan manusia mentadbir alam secara terpisah daripada wahyu Tuhannya, mengeksploitasi alam sewenang-wenangnya demi keuntungan material lalu melampaui batas yang telah digariskan oleh agamanya.

Pemikiran dualistik yang bersifat sekular (Khalif Muammar, 2020) ini seterusnya memisahkan manusia daripada tujuan rohani dan asal penciptaannya sebagai hamba dan khalifah yang mentadbir alam dengan amanah dan adil. Manusia akhirnya bersifat antroposentrik yang berfikir dan bertindak secara bebas, menjadikan dirinya sebagai pusat atau faktor terpenting dalam alam semesta dan meminggirkan kepentingan makhluk-Nya yang lain termasuk haiwan dan tumbuhan. Maka akhirnya manusia merasakan dirinya mencapai kebebasan mutlak, tiada lagi terikat dengan ikatan agama samawi, bebas mempergunakan alam tanpa batas untuk mencapai keuntungan sehingga berlaku kerosakan di muka bumi. Aliran pemikiran manusia yang egois ini disebut sebagai egosentrisme dan pandangan yang menganggap manusia sebagai faktor yang paling penting dalam ekosistem alam ini dinamakan sebagai antroposentrisme (DBP, 2017).

Oleh itu, aliran pemikiran dualistik-dikotomi, yang membina dua realiti ini berkembang sehingga berlakunya proses pensekularan atau sekularisasi dan akhirnya pertentangan di antara agama dan sains, dunia dan akhirat, negara dan gereja sehingga institusi agama terpisah daripada arus perdana masyarakat dalam masyarakat barat. Akhirnya, agama dianggap sekadar ritual di rumah ibadat dan urusan peribadi semata, sehinggalah ia dipinggirkan daripada hal ehwal kenegaraan yang dianggap sebagai duniawi termasuklah politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Maka, apabila penjajahan mencengkam dunia timur, aliran pemikiran dualisme ini terus mencengkam tanah-tanah jajahan mereka melalui penjajahan termasuklah Tanah Melayu.

Dualisme pendidikan ini bertambah parah dengan kelahiran sistem pendidikan vernakular Cina dan Tamil pada awal abad ke-19, setelah buruh-buruh tersebut dibawa masuk beramai-ramai ke Tanah Melayu oleh British untuk mengerjakan lombong dan estet-estet. Kurikulum, buku-buku teks dan guru-guru di sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil telah diimport dari Tanah Besar China dan India. Keadaan ini memburukkan lagi polarisasi kaum di Tanah Melayu sebelum merdeka (Nur Atiqah & Ong Puay Liu, 2018); sehinggalah Laporan Razak (1956) berjaya diusulkan menjelang kemerdekaan dan dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1957. Laporan Razak merupakan asas bagi mencapai integrasi nasional melalui pendidikan apabila kurikulum sekolah-sekolah vernakular disusun berorientasikan Tanah Melayu dan Bahasa Melayu dijadikan bahasa penghantar sebagai usaha untuk merapatkan jurang perbezaan antara kaum (Nur Atiqah & Ong Puay Liu, 2018).

Lantaran itu, usaha-usaha dekolonisasi ini sentiasa berterusan untuk membebaskan diri dan masyarakat tempatan daripada kongkongan penjajahan pemikiran yang hakikatnya berpunca daripada ideologi sekular-dualisme. Usaha dekolonisasi dalam pendidikan ini bertujuan mencapai kesepaduan ilmu dalam sistem pendidikan yang merangkumi kesepaduan ilmu naqli dan aqli, di samping



kesepaduan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah yang memenuhi keperluan jasad dan roh, individu dan masyarakat. Di Malaysia, proses dekolonisasi ini diusahakan melalui seruan mengembalikan nilai-nilai kearifan tempatan dan gagasan Islamisasi Ilmu-Ilmu Semasa. Gagasan ini telah dibincangkan secara serius buat pertama kalinya dalam Konferens Antarabangsa Pendidikan Islam yang pertama di Mekah pada tahun 1977. Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas telah menyampaikan ucaptamanya dalam konferens tersebut dan menegaskan semula matlamat pendidikan untuk melahirkan ‘Insan Baik’ (*good man*), ‘Insan Beradab’ atau ‘Insan Sejahtera’; dan bukan sekadar warganegara yang baik (*good citizen*); seperti yang digagaskan oleh institusi-institusi pendidikan dalam masyarakat barat (al-Attas, 2018). ‘Insan beradab’ ini bermaksud insan yang menyedari tanggungjawabnya secara menyeluruh dan menunaikan hak kepada Tuhannya, kepada diri dan masyarakatnya, termasuklah adab terhadap makhluk lain dan alam sekitar. Ilmu fardhu ain adalah landasan utama dalam memahami hakikat dirinya manakala Ilmu fardhu Kifayah adalah ilmu yang dimanfaatkan untuk pembangunan masyarakat hingga terbina sebuah peradaban yang luhur dan tinggi nilai pekertinya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti proses penjajahan yang berlaku ketika era kolonisme yang membawa pelbagai aliran pemikiran sehingga kini masih tersisa ideologi tersebut. Konsep dekolonisasi atau penyahjajahan yang terkandung dalam matapelajaran Falsafah dan Isu Semasa yang telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengandungi untuk memberi kefahaman kepada pelajar akan ideologi pembaratan yang perlu disingkirkan dalam pembentukan insan sejahtera.

Kajian ini akan menggunakan metode kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan bagi tujuan pengumpulan data. Secara lebih khusus, kajian kepustakaan dilakukan bagi mengumpul data sekunder yang terdiri daripada buku, jurnal, tesis, kertas kerja, kertas prosiding, rencana dan laman web yang membincangkan berkaitan dengan berkaitan konsep pembaratan yang telah berlaku ketika era penjajahan sehingga kini. Metode analisis kandungan digunakan dalam usaha menganalisis data dan fakta yang diperoleh. Menurut Sabitha (2005), analisis kandungan adalah proses meneliti dan menjelaskan kandungan dokumen yang dikaji secara sistematik. Oleh yang demikian, analisis kandungan digunakan bagi menjelaskan perkara-perkara yang tersurat pada maklumat yang berkaitan dengan semua aspek yang terkait dengan kajian.

PERBINCANGAN

Bagi menjayakan konsep insan bersepadu dan sejahtera, kita perlu membebaskan diri daripada pengaruh kolonial yang telah diwarisi dari barat setelah penjajahan. Maka kini, kita perlu kembali kepada kearifan tempatan dengan membangunkan pemikiran falsafah kita sendiri yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat tempatan, mengikut acuan sendiri yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana kuasa luar. Pembentukan falsafah baru ini perlu bersesuaian dengan kearifan tempatan yang membebaskan dan menapis minda masyarakat daripada pengaruh negatif pemikiran barat.

Asasnya, Rukun Negara membentuk suatu falsafah yang mementingkan aspek ketuhanan sebagai prinsip hidup iaitu 'Kepercayaan kepada Tuhan'. Walaubagaimanapun, hal ini mungkin sedikit berbeza daripada tren pemikiran Barat yang sudah mengabaikan kepentingan berpegang kepada asas-asas agama, apatah lagi kepercayaan kepada Tuhan dan ketaatan kepada perintahNya. Hal ini adalah kerana falsafah sekularisme kian tersebar dan meresap dalam gaya hidup mereka. Menurut Khalif Mu'ammarr (Harris, 2021), proses sekularisasi menyebabkan agama dipisahkan dari nilai-nilai kehidupan. Secara tidak langsung, falsafah moden ini membentuk pandangan alam yang membawa kepada hilangnya kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan.

Manakala menurut ajaran Islam, manusia berperanan sebagai khalifah dan hamba Tuhan. Dua konsep utama ini berkait rapat dengan hubungan antara manusia dengan Tuhan. Sebagai khalifah, manusia mempunyai tanggungjawab dan amanah tertentu yang harus dipikul untuk menjaga kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam. Misalnya, manusia tidak bebas untuk melakukan terhadap alam dengan sesuka hatinya, tetapi sebaliknya manusia haruslah mentadbir alam ini mengikut hukum-hukum Tuhan dalam mencapai hubungan yang seimbang di antara Tuhan, manusia dan alam.

Dalam hal ini, Francis Bacon menyatakan hubungan antara alam dan manusia itu sebagai satu hubungan yang bertentangan sehingga berlakunya bencana alam seperti gempa bumi dan banjir yang telah memusnahkan masyarakat dan kehidupan manusia kerana manusia dikatakan gagal menangani masalah-masalah yang timbul dari bencana alam tersebut. Francis Bacon menganggap hubungan antara alam dan manusia itu sebagai satu hubungan yang bertentangan. Maka manusia perlu menggunakan ilmu pengetahuannya untuk menghasilkan teknologi-teknologi yang membolehkan manusia menguasai alam semesta dan bukan sebaliknya (Mbusa, 2021).

Penyelesaian yang diambil bagi menyelesaikan masalah kehidupan manusia melalui penyelidikan di bidang pertanian yang boleh menghasilkan tumbuh-tumbuhan atau makanan yang berkhasiat serta boleh mengatasi masalah seperti kekurangan makanan, kebuluran dan sebagainya. Serta penciptaan teknologi-

teknologi di bidang kejuruteraan yang menghasilkan pelbagai mesin bagi memudahkan kehidupan manusia. Kini yang terjadi dengan kerakusan manusia tanpa sempadan menjadikan ekosistem alam kian musnah akibat kesan tindak tanduk manusia melalui industri, pembangunan teknologi dan juga pembangunan nuklear yang telah merosakan alam sehingga terjadinya pemanasan global. Hal ini telah mengancam kesejahteraan kehidupan manusia di muka bumi ini kerana masalah-masalah ekologi yang timbul hasil daripada tindak tanduk manusia yang tidak bertanggungjawab dan telah melampaui batas terhadap penggunaan alam sekitar.

Sebagaimana yang kita ketahui manusia dan alam sekitar saling berhubungan dan memberi kesan antara satu sama lain. Alam sekitar mampu mempengaruhi kehidupan manusia, bahkan keseluruhan tamadun manusia dipengaruhi alam sekitar. Ini memberi rangsangan kepada manusia untuk melakukan tindakan dan aktiviti bagi mencapai hasrat tersebut sejajar dengan nilai yang dianuti. Tindakan dan aktiviti manusia itu pula sebaliknya mempengaruhi alam sekitar. Keseimbangan alam yang terjejas menyebabkan wujudnya masalah alam sekitar yang berkait rapat dengan aktiviti pembangunan. Gangguan terhadap alam semulajadi ini berlaku ekoran pelanggaran etika alam sekitar dalam satu interaksi yang songsang sewaktu pembangunan. Kerakusan aktiviti pembalakan contohnya, menyebabkan impak terhadap alam sekitar, berbanding interaksi yang diamalkan masyarakat pribumi dengan persekitaran yang mereka alami. Persaingan antara manusia dan manusia yang lain merupakan persaingan dari spesis yang sama. Persaingan ini digelar persaingan interspesis. Dalam sesebuah ekosistem, manusia ialah spesis organisma yang dominan ekologi. Sifat ini membolehkan manusia mengubah ekosistem. Tindakan manusia terhadap alam meninggalkan kesan langsung dan tidak langsung terhadap ekosistem sedia ada (M. Mamat, 2009).

Pembentukan Insan Sejahtera Melalui Kearifan Tempatan

Pembentukan insan sejahtera yang memenuhi matlamat insan kamil (*good man*), perlulah merujuk kepada konsep ilmu yang sepadu untuk membangunkan insan yang seimbang sifatnya. Epistemologi ilmu berasaskan agama dan kearifan tempatan diberi penekanan sebagai sumber ilmu yang sepadu. Kearifan tempatan di Malaysia hakikatnya terbentuk berdasarkan kesepaduan ilmu bersumberkan wahyu, akal dan intuisi yang telah diintegrasikan dalam masyarakat Melayu (Rahimin Affandi, 2009). Konsep kearifan tempatan ini bertentangan dengan orientasi para intelektual barat yang berpandukan akal semata-mata tanpa panduan sumber wahyu dan agama. Bahkan sebahagian mereka berpegang kepada fahaman sekularisme yang meminggirkan Tuhan, dengan mengambil inisiatif penyelesaian masalah berdasarkan akal semata serta menjadikan kepentingan manusia sebagai teras perjuangan mereka (Rahimin Affandi et. al, 2013).

Penerapan worldview atau pandangan alam Islam dalam masyarakat Melayu telah membentuk paradigma dan kearifan masyarakat tempatan dalam menghadapi dua dimensi kehidupan: hubungan horizontal (hubungan sesama makhluk) dan hubungan vertikal (hubungan dengan Tuhannya). Sebagaimana manusia boleh mengetahui maklumat tentang alam ini daripada sumber akal, maka alam ghaib yang bersifat metafizik diketahui daripada sumber wahyu. Asas bagi worldview perlu dibina berasaskan konsep tuhan, wahyu dan penciptaannya, psikologi manusia, ilmu, agama, kebebasan, nilai dan kebajikan dan kebahagiaan yang akan menentukan bentuk perubahan, perkembangan dan kemajuan dalam sesebuah masyarakat ini kerana worldview adalah pandangan alam terhadap dunia, kehidupan, kepercayaan dan pemikiran yang berfungsi sebagai pemankin untuk segala perilaku manusia (M. Abu Bakar, 1993)

Pembangunan insan sejahtera dalam masyarakat akan terbentuk apabila elemen roh, jasad dan akalnya dibangunkan secara bersepadu melalui institusi pendidikan, di samping program-program pembangunan masyarakat. Dalam hal ini, institusi kekeluargaan perlu memainkan peranan terpenting dalam pembentukan manusia berasaskan kepada konsep budi bahasa. Manusia dianggap baik jika mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi dan dianggap manusia yang budiman iaitu mempunyai budi pekerti, budi bahasa, budi bicara, akal budi dan adab sopan yang tinggi dan mulia serta beradab dalam masyarakat (Hashim Musa, 2001). Kepentingan nilai ini amat penting sekarang kerana sebahagian masyarakat khususnya generasi muda, pemimpin dan keluarga telah dihidapi sindrom kehilangan adab yang menyebabkan interaksi antara masyarakat akan menjadi keliru. Secara tidak langsung ia akan mewujudkan masalah kepada sosial, politik dan ekonomi yang kronik (Jamaie Hamil, 2004).

Pembentukan Nilai Insan dalam Pendidikan

Pembentukan nilai insan atau insan kamil adalah menerusi sistem pendidikan. Ini bermakna pendidikan bukan hanya untuk menghasilkan warganegara dan pekerja yang baik, malah untuk membentuk manusia atau insan yang baik. Dalam sistem pendidikan di negara kita penumpuan terhadap dasar pendidikan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek adalah jelas berdasarkan apa yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Sapie, 2018). Proses membangunkan manusia ini memerlukan satu usaha yang konsisten dan berterusan kerana proses pembinaan aspek rohani insan ini sentiasa berterusan.

Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ditekankan hubungan yang seimbang iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Pembentukan insan bukan hanya tertumpu pada pembangunan material atau ekonomi semata-mata tetapi perlu dilihat secara menyeluruh dalam pembangunan rohani insan itu sendiri.

Walaupun bagaimanapun, penumpuan kursus-kursus di institut pengajian tinggi hari ini lebih berteraskan pasaran, sebaliknya kursus-kursus kemanusiaan (humanities) yang mementingkan pembangunan kerohanian, intelek dan emosi kurang diberi perhatian. Orientasi ini dipengaruhi oleh acuan universiti pasca renaissance di barat yang mendokong semangat sekularisme dalam mencorakkan pendidikan di tanah-tanah bekas jajahan mereka. Secara tidak langsung, sumber ilmu wahyu dan ilmu-ilmu tempatan yang pada hakikatnya lebih serasi dengan gaya dan pandangan alam masyarakat tempatan terus terpinggir. Rentetan ini, berlakulah krisis identiti dan tradisi masyarakat tempatan secara beransur-ansur (Harris, 2021).

Penerapan pandangan alam dalam tamadun barat telah menyerap masuk dalam pemikiran masyarakat tempatan melalui faham-faham asas yang mendasari ilmu pengetahuan moden, khususnya dalam bidang Ilmu Kemanusiaan termasuklah ilmu pendidikan, sejarah, psikologi, bahasa, sastera, ekonomi dan sebagainya. Dalam konteks masyarakat Islam contohnya, kekeliruan ilmu terhadap perkara-perkara asas ini akhirnya mengakibatkan keruntuhan adab dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Keruntuhan adab ini berlaku apabila sesuatu perlakuan, tindakan atau keputusan yang diambil adalah bertentangan atau tidak menepati ilmu yang benar serta tidak didasari oleh pandangan alam Islam yang ditanzilkan menerusi shariatnya (Asmaa', 2012).

Epistemologi ilmu di alam Melayu pada asalnya bertunjangkan ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah yang saling berhubungkait dalam pembentukan insan. Pembangunan ilmu fardu ain yang menjadi mata pelajaran asas dan tunjang keilmuan perlu didahulukan daripada pelajaran yang bersifat fardu kifayah. Pendekatan ini bertujuan melahirkan insan beradab yang mampu menghubungkan setiap bidang ilmunya dengan sumber ilmu hakiki, yakni Allah SWT. Hubungan antara kedua-dua ilmu ini sangat jelas. Ilmu fardu ain yang merangkumi ilmu Tauhid, ilmu Fiqah dan ilmu Akhlak atau Tasawuf, menerangkan bagaimana manusia mengurus diri dalam hubungannya dengan Allah SWT. Sementara ilmu bernilai fardu kifayah menerangkan bagaimana manusia perlu mengurus sistem kehidupan mereka di dunia ini sebagai individu atau secara kolektif. Keutamaan mendahulukan ilmu fardu ain merupakan prinsip pendidikan yang tepat kerana ilmu fardu ain yang mengandungi prinsip kepercayaan (keimanan) dan panduan serta aturan (syariat dan akhlak) hidup manusia yang bertindak sebagai penyuluh kepada perkembangan ilmu-ilmu bersifat fardu kifayah yang lain (Husin, 2009).

Keutamaan adab-adab juga amat dititikberatkan bagi menjayakan proses pendidikan. Hal ini bersandarkan sifat ilmu pengetahuan itu sendiri yang tidak dapat diajar dan ditanam begitu sahaja dalam jiwa seseorang melainkan setelah semua pensyaratan adab-adab tersebut dipenuhi, pembentukan nilai atau adab dalam pendidikan penting bagi menghasilkan kualiti insan terbaik, sama ada untuk kejayaan hidup di dunia mahupun di akhirat (*al-falah*). Hasil didikan ini merujuk

kepada peningkatan ilmu, intelek dan kualiti diri serta kesejahteraan dan kedamaian hubungan murid dan guru. Kesejahteraan dan kedamaian hubungan di sini meliputi hubungan baik antara sesama murid, sesama guru, guru dengan ibu bapa, murid dan masyarakat dan seterusnya melimpah ke dalam lingkaran hubungan sosial yang lebih besar. Tumpuan pembangunan adab sosial yang dikemukakan sangat jelas menekankan prinsip kesejahteraan dalam konteks mengekalkan dua bentuk hubungan iaitu *habl min Allah* dan *habl min al-nas*. Pertama, hubungan hamba dengan Allah yang bersifat menegak (vertikal) dan kedua, hubungan sesama insan yang bersifat mendatar (horizontal). Kedua bentuk hubungan ini dihuraikan secara langsung melalui interaksi, hubungan dalam pergaulan, dan pelaksanaan hak yang diungkapkan melalui aturan adab-adab tertentu (Rodiah, 2023).

Pembudayaan nilai murni yang kian pudar dalam kalangan masyarakat kita perlu ditangani terutamanya pada peringkat pelajar. Hamzah (2001) telah menyatakan bahawa golongan pelajar merupakan tenaga simpanan negara yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan, penyumbang budaya, penggerak kemajuan dan pelopor pembangunan bagi sesebuah masyarakat. Oleh itu, isu-isu keruntuhan akhlak dan krisis identiti yang melanda perlu ditangani segera dalam membangunkan insan yang bermoral, berakhlak, beradab dan berhikmah. Dalam melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada aspek rohani, individu haruslah mempunyai unsur rohani yang lebih menjurus kepada keagamaan iaitu individu harus menyedari dan menginsafi adanya pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberian pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin sendiri serta membentuk akhlak mulia. Kecemerlangan seseorang pelajar bukan sahaja diukur dari aspek prestasi akademik yang baik sahaja tetapi dalam konteks bina insan ia juga diukur dengan cerminan akhlak dan peribadi teladan (Khailani Abdul Jalil et. al, 1993). Graduan-graduan yang lahir dari institut pengajian tinggi merupakan aset yang paling penting bagi membina peradaban untuk masa hadapan. Mereka haruslah mempunyai ciri-ciri yang holistik dari aspek rohani, intelek, jasmani dan emosi seperti mana yang ditekankan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar perkembangan insan bukan hanya meliputi aspek kognitif sahaja tetapi juga menekankan aspek nilai, sikap dan tingkah laku seseorang (Nik Aziz Nik Pa, et. al, 2007).

Penekanan pada matlamat melahirkan insan yang baik (*good man*) dan beradab, atau insan yang adil perlu diterapkan melalui proses pendidikan. Insan beradab yang bertanggungjawab ini, secara tidak langsung akan menjadi warganegara yang baik kerana ia akan menunaikan tanggungjawabnya terhadap negara sebagai suatu tuntutan *fardhu kifayah*, malahan sebagai amanah ke atas dirinya selaku hamba dan khalifah Allah di mukabumi ini. Pada dasarnya insan yang lahir daripada acuan sistem pendidikan yang sepadu ini, akan mengetahui secara jelas segala keutamaan bagi tuntutan *fardhu ain* dan *fardhu kifayah* yang harus ditunaikan terhadap Tuhannya,

agamanya, kaum keluarga serta masyarakatnya. Pendidikan peringkat tinggi ini seharusnya menuju ke arah kesempurnaan insan (insan kamil) dan bukan sekadar memenuhi keperluan pasaran negara. Malah Ilmu Teras (fardu ain) itulah sajian bagi roh seorang insan, manakala Ilmu Pengkhususan (fardu kifayah) itu adalah sajian bagi jasadnya. Sebagaimana jasad tidak akan hidup selagimana ia terpisah daripada roh, maka begitulah juga ilmu pengkhususan semata-mata tidak akan membuahkan natijah yang sempurna bagi akal-budi manusia tanpa ilmu teras yang memandunya. Oleh itu pendidikan merupakan satu platform yang penting dalam penghasilan ilmu-ilmu baru mengikut naratif tempatan dan menggerakkan usaha dekolonisasi kearah kearifan tempatan.

Dalam usaha meralisasikan matlamat ini, cabaran-cabaran yang menjadi penghalang perlu dianalisis dengan teliti dan diberikan perhatian sewajarnya. Statistik isu gangguan mental pasca COVID-19 telah membuktikan peningkatan lima kali ganda panggilan kepada Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) pada tahun 2022 berbanding tahun 2020. Dilaporkan bahawa isu ini juga dikaitkan dengan isu bunuh diri yang kian meningkat sebanyak 81% antara tahun 2020 dan 2021. Isu kesihatan mental yang menular dalam kalangan dewasa dan kanak-kanak ini dilihat sebagai cabaran terhadap pembentukan insan yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek (Mokti, 2023). Laporan Berita RTM juga turut mengesahkan fakta ini dengan menyatakan bahawa masalah mental dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya mahasiswa sudah capai tahap yang membimbangkan. Masalah ini melibatkan isu kebimbangan yang melampau, kemurungan dan stres. Kes yang dilaporkan telah merekodkan kes bunuh diri sejumlah 1,142 pada tahun 2021, yang meningkat daripada 631 kes pada tahun 2020 (H. F. Rosli, 2023).

Selain itu, wujudnya isu krisis identiti yang terjebak khususnya dalam kalangan remaja dan pelajar universiti. Ketidak seimbangan nilai yang merebak adalah berpunca daripada cabaran globalisasi yang meletakkan mereka dalam pertembungan antara nilai-nilai tempatan, berserta pengaruh budaya global khususnya melalui media sosial (H. Abdul Karim, 2010). Platform-platform digital seperti Instagram, Tiktok, Facebook dan sebagainya merupakan medium yang memperkenalkan budaya asing khususnya dalam terhadap pengguna yang aktif dalam kalangan anak muda. Trend-trend seperti fesyen, makanan dan lain-lain yang tular di platform digital tersebut menjadi tarikan kepada anak-anak muda untuk menerima dan mengikutinya tanpa saringan yang teliti. Ikutan-ikutan ini membentuk sikap yang kini disebut sebagai *'Fear of Missing Out'* yang menyebabkan anak muda terlalu cepat menyerap dan mempraktikkan budaya yang tidak selari dengan nilai tradisi dan ajaran yang selari dengan agama. Secara tidak langsung, budaya ini mengubah gaya hidup, sikap dan gaya pemikiran mereka demi

mengejar perkara yang dianggap moden dan maju, dan seterusnya mengabaikan jati diri mereka (Zahid, 2024).

Isu-isu tersebut memerlukan penelitian tindakan yang sewajarnya terutamanya melalui dasar-dasar pendidikan dan kebudayaan. Di peringkat universiti khususnya, kursus-kursus bersifat *'humanities'* seperti kursus Falsafah dan Isu Semasa memainkan peranan dalam banyak sudut sebagai inisiatif untuk membendung masalah ini. Kursus ini berperanan dalam menangani isu Kesihatan mental pelajar melalui pendekatan yang memberikan penekanan terhadap keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Contohnya, dalam buku bertajuk 'Pengantar Falsafah dan Isu Semasa Rujukan Mahasiswa Universiti Awam dan Swasta', terdapat topik yang memberi fokus kepada bab psikologi dan sosiologi. Bab tersebut menekankan elemen keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam menjalankan tanggungjawab terhadap Tuhan, individu, keluarga dan masyarakat (Mohammad Jodi et al., 2022). Usaha ini selari dengan konsep *'resilience'* seperti yang diuraikan dalam disiplin ilmu psikologi, yang akan membantu pelajar untuk menguasai kemahiran menguruskan emosi dengan lebih baik sejajar dengan tanggungjawab yang perlu dijalankan (Alias & Mat, 2022). Seterusnya, kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar untuk memahami dan membincangkan isu-isu semasa seperti cabaran globalisasi, pengaruh media sosial terhadap gaya hidup masyarakat dan sebagainya. Pendekatan kursus ini seharusnya mendorong pelajar-pelajar untuk bersikap kritis dan analitikal dalam membincangkan isu semasa agar dapat membentuk kemahiran menyaring budaya dan fahaman yang tidak selari dengan nilai tradisi dan agama. Pada masa yang sama, pelajar-pelajar juga akan dilatih untuk memahami bagaimana nilai tradisi ini dapat diintegrasikan dengan gaya hidup moden tanpa perlu mengorbankan jati diri dan prinsip hidup (Saili, 2024).

Selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat untuk melahirkan insan yang holistik menjadi titik berat utama dalam sistem Pendidikan di Malaysia (USIM, 2024). Ringkasnya, kursus Falsafah dan Isu Semasa berperanan penting dalam membentuk insan yang holistik yang seimbang dari setiap aspek kemanusiaan. Melalui pendekatan falsafah yang menumpukan kepada kemahiran berfikir secara kritis dan analitikal, pelajar-pelajar akan dilatih untuk menganalisis segenap isu dan masalah semasa agar mereka lebih cakna terhadap perkara-perkara yang membentuk gaya hidup dan pandangan alam atau *'worldview'* mereka. Dengan ini, graduan yang dilahirkan tidak cuma menitik beratkan pencapaian material semata-mata. Bahkan para graduan yang akan memandu masa depan negara ini akan lebih prihatin terhadap sudut penghayatan etika dan nilai-nilai kemanusiaan dengan lebih baik.



KESIMPULAN

Kursus Falsafah dan Isu Semasa yang diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi merupakan kursus yang bukan sahaja memfokuskan pembentukan pemikiran kritis pelajar, bahkan untuk membentuk jiwa dan jati diri pelajar itu sendiri. Konsep dekolonisasi yang terkandung dalam matapelajaran Falsafah dan Isu Semasa adalah satu inisiatif yang penting dalam menghadapi cabaran dunia moden yang kini perlu mendepani ideologi-ideologi asing yang tidak sesuai dengan nilai keagamaan dan nilai tempatan. Ideologi asing seperti sekularisme dan dualisme telah bertapak sekian lama dalam pemikiran masyarakat yang menjadi salah satu penghalang kepada pembentukan insan sejahtera. Falsafah Pendidikan menjadi teras kepada pembentukan falsafah sejahtera yang merangkumi kepada keseimbangan iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat kepentingan peribadi dalam penerbitan artikel ini. Penulis pertama melakukan kajian literatur, metodologi, analisis data, penambahbaikan terhadap perbincangan dan semakan terhadap rujukan. Penulis kedua menulis kajian literatur, pengumpulan data dan perbincangan. Penulis ketiga melakukan penambahbaikan terhadap sorotan literatur manakala penulis keempat menjalankan semakan terhadap struktur ayat, analisis dan perbincangan.

PENGHARGAAN

Penulis memanjangkan sekalung penghargaan buat Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari, UiTM atas sumbangan dana penyelidikan melalui geran bertajuk Pelaksanaan Model ADAB UiTM Shah Alam Melalui Pembelajaran Mata Pelajaran Falsafah Dan Isu Semasa (600-RMC/ACIS_IRES 5/3(015/2022).



RUJUKAN

- Asmaa' Mohd Arshad, (2012). Konsep Ta'dib Teras Falsafah Pendidikan Islam, Adab dan Peradaban.
- Basri Husin. (2009). Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat dan Sumber-Sumber Ilmu dalam Tradisi Islam. *Jurnal Usuluddin*, 30, 185–208.
- Ed Mohd Zaidi Ismail dan Wan Suhaimi Wan Abdullah. Petaling Jaya: Ta'dib International.
- Faezah Kassim, Mohd. Rahimi Ramli, Noor Ain Mat Noor, Irene Seok-Ching Yong & Muhammad Shamshinor Abdul Azzis (2023). Peranan Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam “Menyempurnakan” Mahasiswa: Kajian di Universiti Malaya. *Asian People Journal (APJ)*, 6(2), Article 2.
<https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.2.420>
- Hazim Shah (2020). Nota Kursus Falsafah dan Isu-Isu Semasa, Bab 8: Dekolonisasi (Slide Power Point). Kementerian Pengajian Tinggi.
- Hamzah, H. (2001). Penilaian Ke Atas Pelaksanaan Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Politeknik Johor Baru: Tesis Sarjana. KUiTTHO
- Hashim Musa (2001). Falsafah, Logik, Teori Nilai Dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan. Kuala Lumpur: APM.
- Haryati Abdul Karim (2010). *Globalisation, “in-between” Identities and Shifting Values: Young Multiethnic Malaysians and Media Consumption* [Thesis, Loughborough University]. https://repository.lboro.ac.uk/articles/thesis/Globalisation_in-between_identities_and_shifting_values_young_multiethnic_Malaysians_and_media_consumption/9479930/1
- Hazlin Falina Rosli (2023, March 10). *Mahasiswa Berdepan Masalah Kesehatan Mental*. Portal Berita RTM. <https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/mahasiswa-berdepan-masalah-kesehatan-mental>
- Hayati Ismail (2024, November 18). Pendidikan Holistik Melalui Pentaksiran Bersepadu. *Universiti Sains Islam Malaysia*. <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/pendidikan-holistik-melalui-pentaksiran-bersepadu/>
- Jahidih Saili (2024). Kursus Falsafah dan Isu Semasa Sebagai Alat Pembinaan Identiti Nasional: Satu Analisis Literatur. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 16(1), 88–103. <https://doi.org/10.17576/ajtlhe.1601.2024.06>
- Jamaie Hamil (2004). UMNO Dalam Politik dan Perniagaan Melayu. Bangi: Penerbit UKM.
- Jamsari Alias & Norazila Mat (2022). Pengantar Falsafah dan Isu Semasa: Rujukan Mahasiswa Universiti Awam dan Swasta. *MALIM Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (SEA Journal of General Studies)*, 23(01).
<https://doi.org/10.17576/malim-2022-2301-03>
- Khailani Abdul Jalil & Ishak Ali Shah (1993) Pendidikan Islam Era 2020 Tasawur Dan Strategi. Selangor: Percetakan Bintang Jaya.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Mohd Syariefudin Abdullah & Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi (2022). *Pengantar Falsafah dan Isu Semasa Rujukan Mahasiswa Universiti Awam & Swasta*. UPSI Press.



- Khalif Muammar A. Harris. (2021). Sekularisasi Etika dan Krisis Moral Masa Kini: Secularisation of Ethics and Contemporary Moral Crisis. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 23(2), Article 2. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.4>
- Luqman Arif Abdul Karim (2019, September 25). *Dua kursus wajib baharu UA*. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611033/dua-kursus-wajib-baharu-ua>
- Lutfi Zahid (2024, October 30). Globalisasi: Apakah Nasib Warisan dan Kebudayaan Malaysia? *Dewan Budaya*.
<https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2024/10/30/10328/>
- M. Hasyim Mustamin (2010). Dualisme dalam Pendidikan dan Pengaruhnya dalam Pendidikan dan Pengaruhnya terhadap Pembentukan Nilai dan Identiti Pelajar dalam 5th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2010). Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV) and Institute of Postgraduate Studies (USM).
- Maharam Mamat (2009). Impak Modenisasi Terhadap Alam Sekitar: Penelitian beberapa buah novel penulis Sarawak. *Jurnal e-Utama*, Vol. 2.
- Muhammad Abu Bakar (1993). Pandangan Dunia, Ideologi dan Kesarjanaan: Islam, Proses Sejarah dan Rekonstruksi Realiti Sosial, dalam Tinta Kenangan. Sumbangan Sempena Persaraan dan Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman, Kuala Lumpur, h.307-309.
- Nik Aziz Nik Pa, Rahimi Md. Saad & Ahmad Zabidi Abd. Razak (2007). Isu-Isu Kritikal Dalam Pendidikan Islam & Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari, Selangor: Hazrah Enterprise.
- Nurafifah Abdu Hamid (2021). Dekolonisasi dalam Falsafah dan Isu Semasa. Kuala Lumpur: Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Pengemaskinian Struktur Kursus MPU - Pelaksanaan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa & Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban*. (2019, August 15).
<https://www.mqa.gov.my/new/document/pekeliling/2019/9-JPT%20-%20Pengemaskinian%20Struktur%20Kursus%20MPU.pdf>
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2009). Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA Islam di Malaysia: Satu Analisis Sejarah. *Jurnal ESTEEM*, Vol 5, No.2
- Raihan Mokti (2023, April 13). *Kesihatan Mental di Malaysia Semakin Membimbangkan*. Bahagian Kemasukan Dan Bahagian Urus Tadbir Akademik, Universiti Putra Malaysia.
https://akademik.upm.edu.my/artikel/kesihatan_mental_di_malaysia_semakin_membimbangkan-74500
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman, (2018). Konsep Penerapan dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). ResearchGate.
- Sirus Yulius Mbusa (2021). Paradoks “Knowledge is Power” dan Bencana Kemanusiaan: Tinjauan Filosofis Menurut Pemikiran Sir Francis Bacon. *Aggiornamento*, 2(01), Article 01. <https://doi.org/10.69678/aggiornamento20115-32>
- Siti Rodiah (2023). Keseimbangan Relasi Vertikal dan Horizontal dalam Manuskrip Adab Ibadah. *JALADRI : Jurnal Ilmiah Program Studi Bahasa Sunda*, 9, 7–15.
<https://doi.org/10.33222/jaladri.v9i1.2495>



- Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud, & Mohd Edyazuan Azni (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), Article 1.
- Syamsul Azizul Marinsah, Habibah @ Artini Ramlie, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, & Irma Wani Othman. (2022). Signifikan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam pembentukan akhlak dan moral di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 7, 127–136.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. Terj: Khalif Muammar (2020). Islam dan Sekularisme. Kuala Lumpur: RZS-CASIS & HAKIM.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2015). *On Justice and the Nature of Man*. Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).
<https://www.uumpress.com.my/on-justice-and-the-nature-of-man>
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (2018). *The Concept of Education in Islam A Framework for An Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.